



Sayang melihat kerja **penambakan Sungai Keladi** di Kampung Jalan Sekolah, Kampung Keladi, Kulim. [FOTO AZHAR HASHIM /BH]

JPS lantik kontraktor atasi hakisan tebing sungai


? Kami penduduk Kampung Jalan Sekolah, Kulim, Kedah yang tinggal di pinggir Sungai Keladi semakin bimbang dengan hakisan tebing sungai yang semakin melebar dan mengancam keselamatan. Apakah tindakan kerajaan mengatasi masalah itu.

Sayang Othman
Kampung Jalan Sekolah
Kulim, Kedah

! Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sudah melantik kontraktor menjalankan kerja mengatasi masalah hakisan Sungai Keladi di Kampung Jalan Sekolah sejak hujung September lalu.

Kita memperuntukkan RM50,000 untuk memasang batu sangkar kerana kawasan itu berpasir dan kerja itu dijangka siap sepenuhnya dua bulan lagi. Jika dilakukan kaedah biasa, besar kemungkinan hakisan di kawasan itu akan berulang.

Seramai 26 penduduk yang menghuni enam rumah di tebing sungai itu harus berasa lega de-



SUARA KOMUNITI

Suara Komuniti menentang masalah rakyat dan akhbar ini akan membantu pembaca mendapatkan maklum balas pihak berwajib. Sila hantarkan aduan anda ke Suara Komuniti Berita Harian, 31 Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur atau e-mel ke suarakomuniti@bharian.com.my

ngan kerja memperkukuh tebing sungai berkenaan. Mereka tidak perlu bimbang lagi dengan jarak antara rumah dengan sungai yang sekarang hanya tinggal kira-kira satu hingga enam meter akibat hakisan tebing sungai.

Mohd Abu Bakar Othman
Pengarah JPS Kedah

“ Kita memperuntukkan RM50,000 untuk memasang batu sangkar kerana kawasan itu berpasir dan kerja itu dijangka siap sepenuhnya dua bulan lagi. **Jika dilakukan kaedah biasa, besar kemungkinan hakisan di kawasan itu akan berulang”**